

**PEMAKLUMAN KADEAH PENGENDALIAN PENGAJARAN &  
PEMBELAJARAN (PdP) DI FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI  
MALAYA PADA SEMESTER 2, SESI 2021/2022**

Selaras dengan ketetapan Pengurusan Universiti Malaya bahawa pelaksaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi Semester 2, Sesi Akademik 2021/2022 adalah secara **Hibrid atau secara dalam talian**, maka pihak pengurusan Fakulti Pendidikan telah membuat ketetapan yang sama bahawa aktiviti PdP bagi semua kursus mestilah dilaksanakan secara hibrid atau dalam talian mengikut ketetapan seperti berikut:

- (a) Semua Pensyarah Kursus mesti mengendalikan kelas **SECARA FIZIKAL** di tempat dan pada masa yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu.
- (b) Manakala bagi pelajar pula, mereka diwajibkan menghadiri kuliah berdasarkan dua (2) mode/kaedah berikut:
  - i. **Bersemuka (Face to Face).**

Mode/kaedah ini terpakai kepada semua pelajar yang tidak memohon untuk menghadiri kelas secara atas talian (online), atau yang memohon untuk menghadiri kelas secara online tetapi tidak diluluskan oleh Ketua PTj. Sekiranya kapasiti pelajar berdaftar melebihi kapasiti bilik kuliah (selepas pematuhan SOP) maka pensyarah perlu membuat jadual penggiliran kehadiran yang bersesuaian bagi jumlah pelajar yang melebihi kapasiti tersebut.

ii. **Atas/kaedah Talian (online).**

Mode/kaedah ini hanya terpakai kepada pelajar yang telah diluluskan permohonannya secara rasmi oleh Ketua PTj dengan mengemukakan bukti dan dokumen sokongan yang sesuai. Kebenaran mengikuti kuliah secara atas talian (online)

hanya akan diberikan kepada kes-kes yang relevan dan dalam tempoh tertentu sahaja.

Mode/kaedah ini juga terpakai untuk pelajar yang perlu mengikuti penggiliran kehadiran fizikal disebabkan kapasiti bilik kuliah seperti pada perkara (i) di atas dan hanya dibenarkan pada tarikh yang ditentukan oleh pensyarah kursus sahaja.

- (c) Pelajar yang mendaftar kursus secara Remote Learning (RL) juga wajib menghadiri kuliah secara atas talian (online) tanpa perlu mengemukakan permohonan kepada Ketua PTj.

Emel-emel berikut hendaklah digunakan untuk mengemukakan permohonan menghadiri kuliah secara atas talian (online) atau memerlukan maklumat lanjut berhubung pemakluman ini:


Pelajar Ijazah Dasar : undergradedu@um.edu.my

Pelajar Diploma Pascasiswazah : dppum@um.edu.my

Pelajar Sarjana : educmed@um.edu.my

Pelajar PhD : educphd@um.edu.my

Kerjasama dan perhatian semua dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



**DEKAN**  
Fakulti Pendidikan

21 Februari 2022